

## **Empat Graduan Terima Anugerah Kecemerlangan Dwijazah VDI Karlsruhe**



Kuantan, 18 November- Dua graduan Sarjana Muda (Kepujian) Mekatronik (Program Kerjasama dengan Karlsruhe University Of Applied Sciences Jerman) iaitu Kong Zhung Jie dan Usamah Shamsuddin graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekatronik program kerjasama dengan Karlsruhe University Of Applied Science Jerman (HSKA) menerima Anugerah Kecemerlangan Dwijazah German Engineers (VDI Karlsruhe) yang diperkenalkan masuk tahun kedua sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 pada kali ini.

Sementara dua lagi Muhamad Hayat Mohd Nor dan Syafiqah Nabilah Ahmad Salim graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif (Program Kerjasama dengan HSKA) yang merupakan perintis program automotif hasil program kerjasama UMP-HSKA turut menerima anugerah pada kali ini.

Menurut Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC), Dr. Muhamad Mat Noor berkata, UMP merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang menerima sumbangan anugerah ini dari VDI.

"Ianya juga merupakan suatu pengiktirafan dan kepercayaan daripada pelbagai institusi pengajian dari Jerman dalam program kerjasama UMP dan HSKA dalam menawarkan program kejuruteraan bertaraf dunia secara dwi-ijazah dan dwi-sarjana di universiti ini," katanya.

Manakala menurut Timbalan Presiden HSKA, Profesor Dr. Rer. Nat Dieter Hopfel berkata, pertubuhan VDI mempunyai kepakaran kejuruteraan dan teknologi, menyediakan perkhidmatan kepada jurutera, penasihat terhadap ekonomi, politik dan teknologi serta menyumbang kepada aspek teknikal dan saintifik dalam pembangunan kejuruteraan Jerman di peringkat antarabangsa.

"Pihak VDI memberikan penganugerahan kepada graduan UMP yang cemerlang. Penganugerahan ini diberikan atas pencapaian terbaik graduan dalam bidang akademik dan kemahiran berbahasa Jerman merupakan syarat utama," katanya yang hadir menyampaikan ijazah HSKA pada sidang pertama Majlis Konvokesyen UMP kali ini. Seramai 43 graduan program UMP-HSKA menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen UMP kali ini.

**Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat dan gambar oleh Mustakim, FSKKP**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 23-11-2017, 10:07:43